

# Tawar pakej pelancongan agribio

Pengembaraan di seluruh kampus UPM mengambil masa kira-kira tiga hari



FOCUS

Oleh Mohd Sabran Md Sani  
sab@mediaprima.com.my

Gelagat sekumpulan pelajar sekolah yang begitu ceria menyertai rombongan ke Taman Konservatori Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) mengimbau kenangan penulis ketika menjadi pelajar.

Teringat bagaimana gembira kami diberi ke-

sempatan menyertai rombongan dan lawatan ke tempat baru.

Mungkin perasaan itu turut dirasai pelajar tingkatan tiga SMK Bandar Baru Bangi 2, Selangor ketika melawat Taman Konservatori Pertanian.

Penolong Pegawai Pertanian Kanan UPM, Tajuddin Abd Manaf pastinya individu penting memastikan kelancaran program lawatan itu.

Dia dibantu dua rakan iaitu Pembantu Pertanian, Hafizi Azmi Hanafi dan Penolong Pegawai Pertanian,

Ahmad Hisham Mohd Sidi.

Bangsal yang dibina di taman itu menjadi platform kepada Tajuddin menonjolkan bakatnya mencipta haruman sauna daripada herba semula jadi.

Dengan gaya bersahaja, Tajuddin menarik perhatian kumpulan pelajar memberi tumpuan terhadap aktiviti disediakan.

Demonstrasi pembuatan herba mandian sauna dan bunjur herba membangkitkan keterujaan pelajar.

Melihat kehijauan ratusan spesies herba yang terda-



TAJUDDIN bersama ramuan herba sauna.



PINTU gerbang Taman Konservatori Pertanian.



PELAJAR tertarik dengan sesi demonstrasi disediakan Tajuddin dalam menghasilkan herba sauna.



PELAJAR mengutip ilmu yang ditimba melalui pengembaraan dalam taman



SUASANA padang rumput yang mendamaikan